



L. MANIMARAN | BERITA HARIAN

LAWATAN: Teresa (dua dari kanan) meninjau projek menaik taraf Sungai Kerayong.

Banjir semakin serius

Penduduk Batu 4 Jalan Klang Lama dakwa projek baik pulih, naik taraf Sungai Kerayong punca air melimpah

Oleh Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR: Penduduk Batu 4, Jalan Klang Lama dekat sini mendakwa projek membaik pulih tebing dan menaik taraf serta melebarkan Sungai Kerayong di kawasan itu menjadi punca kekerapan banjir kilat.

Masalah banjir sudah berpuluh-puluh tahun dialami penduduk, namun sejak kebelakangan ini ia semakin serius menyebabkan kira-kira 400 penduduk merana dan kebimbangan.

Lim Chai Bo, 57, berkata, masalah banjir sudah lama berlaku, tetapi menjadi semakin serius sejak kerja menaik taraf Sungai Kerayong.

"Sebelum ini memang kerap banjir, tetapi tidak setiap tahun. Sekarang bila hujan tidak sampai 15 minit, kampung kami dinaiki air bukan setakat buku lali, tetapi hingga ke paras dada dan kepala.

"Itulah yang terpaksa kami hadapi sejak kebelakangan ini. Dalam banjir terbaru, rumah saya dinaiki air setinggi kepala dalam tempoh tidak sampai 15 minit, menyebabkan kami sekeluarga tidak mampu menyelamatkan barang," katanya.

Beliau mengiringi Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok mengadakan lawatan ke Sungai Kerayong bersama wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk meninjau projek berkenaan.

Lim berkata, setiap kali hujan lebat, beliau sekeluarga kelim kabut dan terpaksa memindahkan barang di rumahnya, termasuk mesin jahit dan tempahan pelanggan bagi mengelakkannya dihanyut banjir.

"Banjir baru-baru ini menyebabkan tiga mesin jahit rosak kerana terkena air dan pakaian pelanggan hanyut atau rosak, selain peralatan rumah tidak dapat diselamatkan.

"Saya tidak tahu punca kekerapan banjir, tetapi pada pandangan saya, ia mungkin berpunca daripada projek Sungai Kerayong yang sedang

dijalankan pada masa ini," katanya.

Tan Kim Pah, 76, pula berkata, masalah banjir bermula 10 tahun lalu dan hanya empat tahun kebelakangan ini semakin serius dan tidak terkawal.

"Setiap kali hujan, ia disusuli banjir kilat. Tidak perlu tempoh lama untuk banjir kerana tidak sampai 15 minit air melimpah masuk ke kediaman penduduk.

"Nyawa saya hampir terancam apabila terjatuh bukan saja disebabkan arus yang deras tetapi dalamnya mencecah paras dada. Syukur tiada kecederaan serius dan hanya luka di kedua-dua lutut yang sehingga kini belum sembuh sepenuhnya.

"Buatlah sesuatu untuk mengatasi masalah ini, kami sudah tentu mampu terus berada dalam kegelisahan dan kebimbangan setiap kali hujan lebat.

"Carilah penyelesaiannya dan jika kerja menaik taraf Sungai Kerayong ini adalah jawapannya maka usahakan supaya projek disiapkan segera.

Menerusi lawatan itu, penduduk diberi penerangan terperinci mengenai pembinaan projek, termasuk banjir kilat bagi mengelakkan kekeliruan.

Kontraktor Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) terpaksa membina struktur sementara daripada keluli bagi menahan air daripada terkena simen pada benteng yang sedang dibangunkan.

Kuala sungai menjadi sempit dan menyebabkan air lebih tinggi dari sepatutnya. Apabila hujan lebat, ia melimpah hingga membanjirkan kawasan penduduk berhampiran.

Projek bermula dari Smart Discharges hingga ke pertembungan Sungai Klang sepanjang 1.8 kilometer dijalankan sejak dua tahun lalu dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 20 bulan.

Bagaimanapun, kerja menaik taraf terpaksa ditangguhkan sementara untuk memberi laluan kepada kerja membaik pulih tebing di kawasan itu yang runtuh.



CEGAH: Dinding konkrit dipasang elak tanah runtuh.



“Nyawa saya hampir terancam apabila terjatuh bukan saja disebabkan arus yang deras tetapi dalamnya mencecah paras dada**”**

Tan Kim Pah
Penduduk



BAHAYA: Keadaan Sungai Kerayong ketika projek naik taraf dijalankan.